

**KAJIAN TINDAKAN:  
KAJIAN KEBERKESANAN PENGGUNAAN TV PENDIDIKAN MELALUI  
ASTRO DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

---

OLEH: LOSININ JOHALIN, PASUKAN KAJIAN TINDAKAN SABAH

**ABSTRAK**

*Penggunaan TV Pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sebenarnya telah lama dilaksanakan. Bagaimanapun Penggunaan TV pendidikan melalui ASTRO telah dilaksanakan mulai Tahun 2000 dengan pemasangan peralatan dijalankan secara berperingkat-peringkat di seluruh Negara. Kajian ini dikhususkan untuk melihat kesan penggunaan TV Pendidikan terhadap pengajaran dan Pembelajaran di dalam bilik darjah. Kajian ini telah dijalankan ke atas 36 orang pelajar SMK.Kundasang, Ranau dan dengan menggunakan set ujian IMMS, ujian pra dan ujian pos. Sebagai tambahan, semasa kajian ini dijalankan, satu sesi temubual secara rawak telah dijalankan dikalangan guru dan murid. Daripada 20 orang responden, 100% menyatakan persetujuan mereka bahawa TV Pendidikan melalui ASTRO menarik dan berguna. 90% daripada mereka mahu supaya ada siaran TV Pendidikan di sekolah . 10% tidak menyatakan sebarang pendapat. Walau bagaimanapun hanya 55% daripada responden pernah menggunakan kemudahan TV Pendidikan ini dalam proses pengajaran dan Pembelajaran. Peratus yang menggunakan TV Pendidikan ini masih rendah jika dibandingkan dengan negara maju yang menjadikan TV Pendidikan sebagai salah satu bahan bantu mengajar yang terkenal.*

## **BAB 1 : PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Pada 19hb Jun 1972, perkhidmatan TV Pendidikan ke sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia telah dilancarkan oleh Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein Perdana Menteri pada ketika itu. Perlancaran Pekhidmatan TV Pendidikan telah melahirkan Perkhidmatan Sebaran Pendidikan di negara kita. TV Pendidikan adalah salah satu projek perkembangan pendidikan bagi sekolah rendah dan menengah terutama sekali dalam tata rakyat, bahasa, sains dan ilmu hisab pada waktu itu .

Perkhidmatan TV Pendidikan telah dapat menyampaikan rancangannya kepada 215 buah sekolah rendah dan 265 buah sekolah menengah. Pada peringkat awal, Sabah dan Sarawak tidak termasuk dan projek perkhidmatan TV Pendidikan kerana pada ketika itu sistem penyiaran kebangsaan masih belum diperluaskan ke kedua-dua negeri ini. TV Pendidikan di Sabah khasnya hanya bermula pada Tahun 1980 yang dilancarkan bersama dengan Radio Pendidikan On Air melalui RTM Sabah.

Pada Tahun 1999, TV pendidikan melalui ASTRO telah diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pelajaran Malaysia yang pada masa itu Diterajui oleh YB Tan Sri Musa Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia. Keputusan Kerajaan memancarkan TV Pendidikan ke udara melalui ASTRO telah mengurangkan kos tahunan yang sebelum ini mencecah RM5juta kepada RM400 ribu sahaja.

Siaran TV Pendidikan melalui ASTRO telah diperkenalkan di daerah Ranau sejak tahun 2000 dengan pemasangan fasa pertama sebanyak 46 buah sekolah daripada 77 buah sekolah di daerah ini. Dalam pemasangan ini, 3 faktor utama yang diambil kira melayakkan pemasangan set ASTRO iaitu :-

- i) Mempunyai kemudahan TV

- ii) Mempunyai janakuasa elektrik sama ada janakuasa sendiri atau SESB
- iii) Mempunyai jalan perhubungan dan pengangkutan.

Faktor-faktor di atas merupakan syarat yang penting sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Pemasangan ini dijangka akan dapat mengatasi masalah penerimaan siaran yang agak terhad terutamanya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Ini terbukti apabila selepas pemasangan set ASTRO, kualiti siaran sangat memuaskan terutamanya kepada 12 siaran yang termasuk di dalam pakej pendidikan iaitu:-

- a) Siaran TV 1 (Umum)
- b) Siaran TV2 (Umum)
- c) Siaran TV3 (Umum)
- d) Siaran NTV7 (Umum)
- e) Siaran 11 ( Discovery Travel & Adventure)
- f) Siaran 13 (TV Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia)
- g) Siaran 50 (Discovery Channel)
- h) Siaran 51 ( Animal Planet)
- i) Siaran 52 ( National Geographic)
- j) Siaran 61 (Disney Channel)

Ke semua saluran yang dimasukkan ke dalam pakej TV Pendidikan mempunyai unsur-unsur pelajaran dan pengetahuan yang memberi manfaat kepada para pelajar.

TV merupakan salah satu daripada media (*Heinich, Molenda dan Rusell, 1993*) atau alat bantu mengajar yang melibatkan dua pancaindera manusia iaitu pendengaran dan penglihatan. Sebagai satu media yang melibatkan lebih daripada satu deria, TV sememangnya akan menambahkan keberkesanan dalam menyampaikan isi-isi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas<sup>1</sup>

Media dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai alat, bahan atau sumber (konkrit atau abstrak) juga dapat digunakan dan dieksploitasi oleh seseorang pelajar secara sistematik untuk tujuan-tujuan mendapatkan maklumat atau mesej-mesej untuk pembelajaran.<sup>2</sup>

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

### **Kajian-Kajian Berkaitan Penggunaan Media:**

Kebanyakan penyelidikan yang telah dilaksanakan untuk mengkaji penggunaan media mendapati teknologi yang digunakan (papan tulis elektronik) telah berjaya mengatasi masalah yang berkait dengan pemisahan di antara pensyarah dengan pelajar (Idrus, 1993; Brande, 1993). Beberapa kajian juga telah melaporkan paras dan jenis interaksi yang berlaku di antara pensyarah dan sistem media elektronik yang digunakan (Oliver & McLouglin, 1997)

Kajian awal yang telah dijalankan oleh Nordin (1991) melaporkan bahawa sistem media elektronik dengan komponen grafiknya mampu memandu pelajar kepada bahan pembelajaran di samping mempertingkatkan penglibatan pelajar dan tahap kefahaman mereka. Juga terdapat kajian yang lain menunjukkan penilaian yang positif terhadap sistem media sebagai satu proses penyampaian bahan pembelajaran (Atan dan Idrus, 1999).

---

<sup>1</sup> Lihat Yusuf Hashim, *Media Pengajaran dan Latihan, 2001, Ms2*

<sup>2</sup> Lihat Hazimah Hj Samin, *Penggunaan Media Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran, 2001, Ms1*

Selain dari itu kajian juga telah dijalankan terhadap kelebihan penggunaan TV atau video, sumber web secara sistematik seperti oleh Maizurah Omar, Fattawi Mokhtar

Selain dari itu kajian juga telah dijalankan terhadap kelebihan penggunaan TV atau video, sumber web secara sistematik seperti oleh Maizurah Omar, Fattawi Mokhtar (2000), Jamaludin Mohaidin (2000), Heinich et al (1996

Mereka berpendapat penggunaan media yang berulang dan dilihat berkali-kali dapat mempertingkatkan daya ingatan dan kemahiran pelajar. TV/Video dikatakan dapat digunakan untuk tujuan pengayaan dan pemulihan. Malah TV/video yang direkabentuk secara khusus dan sistematik boleh menyatukan semua peringkat perkembangan pengajaran dan pembelajaran ke dalam persembahannya.

Penggunaan unsur gerak bunyi, warna dan cahaya pada video secara langsung dapat menarik minat perhatian pelajar. Unsur ini penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia dapat mempertingkatkan kefahaman dan menghindar salah anggapan dan pentafsiran. Menurut *Fontana(1988)* televisyen dan video perlu dilihat sebagai media yang dinamik yang dapat merangsang tindakbalas luaran atau dalaman yang kadang-kadang mempengaruhi psikologi seseorang. Sebagai media pengajaran yang menghampiri konkrit (*Dale, 1985*) video yang digunakan secara sistematik dapat merangsang daya imaginasi dan perbincangan. Ia dapat menjamin proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar di samping meningkatkan kefahaman dan menghindar salah tanggapan dan pentafsiran

Manusia dikatakan makhluk yang '*visually oriented*' dan mereka banyak belajar melalui penglihatan (Pulley). Walaupun mereka mendengar dan membaca, apa yang didengar dan dibaca biasanya akan divisualkan dalam pemikiran mereka untuk mendapatkan konsep atau makna yang lebih jelas. Ini selaras dengan kata-kata yang pernah dimadahkan oleh Kung Fu Tze, seorang pujangga dan ahli falsafah cina;

*'...kalau saya dengar, saya lupa; kalau saya lihat saya ingat; dan kalau saya buat  
saya tahu...'*

Kajian ini juga telah menunjukkan betapa pentingnya peranan guru dalam memastikan keberkesanan media dalam pengajaran. Misalnya jika guru menayangkan filem serta mengaitkan dengan objektif-objektif pembelajaran, maka maklumat yang terima oleh pelajar akan bertambah. Misalnya, *Ausuble (1968)* mengemukakan konsep maklumat awal sebagai bantuan untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan.

Contoh maklumat awal ini ialah satu tinjauan, pengenalan kepada ringkasan penting kepada isi pelajaran, satu pernyataan tentang prinsip-prinsip yang terkandung dalam maklumat yang akan disampaikan. *Molstad (1974)* berpendapat media jika digunakan bersama pengajaran ala tradisional akan meningkatkan proses pengajaran. Menurut *Heinich (1981)* pengajaran akan menjadi lebih berkesan jika penggunaan media dirancang secara sistematik.”

Kajian ini dijalankan kepada 36 orang murid SMK Kundasang yang dipilih berdasarkan kepada 3 kumpulan pelbagai aras kemahiran iaitu:-

- i) Murid Prestasi Tinggi (MPT) – 12 orang
- ii) Murid Prestasi Sederhana (MPS) – 12 orang
- iii) Murid Prestasi Rendah (MPR) – 12 orang

Para Pelajar dari SMK Kundasang telah diambil sebagai responden dalam kajian ini. Murid-murid dibahagikan kepada dua kumpulan yang mengandungi 18 orang pelajar dalam satu kumpulan. Setiap kumpulan akan melalui satu sesi pengajaran yang berbeza mengikut mood yang ditetapkan iaitu:

- **Kumpulan 1** diberikan satu sesi pengajaran dan pembelajaran berbantuan media bahan TV Pendidikan. Kumpulan ini terdiri daripada **18 orang pelajar**
- **Kumpulan 2** diberikan satu sesi pengajaran dan pembelajaran berbantuan nota dan lembaran kerja sahaja. Kumpulan ini juga terdiri daripada **18 orang pelajar.**

Dalam kajian ini, semua pelajar diberikan soalan yang sama dalam ujian Pra, ujian pos dan IMMS. Semua pelajar dalam kumpulan 1 dan 2 menerima sesi pengajaran dan pembelajaran pada masa serentak. Semua pelajar dalam kumpulan 1 menonton siaran TV Pendidikan pada masa yang sama. Semua pelajar diberikan pendedahan yang sama sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Semua pelajar mempunyai peluang yang sama menggunakan bahan-bahan yang disediakan oleh guru. Antara matlamat kajian ini adalah untuk melihat perbezaan keputusan ujian dengan menggunakan 2 kaedah pengajaran dan pembelajaran iaitu:-

- i) Kaedah konvensional berbantuan buku teks, buku lembaran kerja, chalk and talk dan kertas ujian.
- ii) Kaedah penggunaan TV pendidikan sama ada off air atau on air.
- iii) Dalam kajian ini bahan yang digunakan sebagai bahan bantu mengajar ialah off air yang dirakamkan melalui Siaran TV Pendidikan (Channel 13) bertajuk SIMPLE MACHINE, Tingkatan 2.
- iv) Rancangan TV Pendidikan ini telah dirakam ke dalam CDR dan diperbanyakkan supaya dapat digunakan di dalam komputer makmal.

### **1.3 TUJUAN / OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau dan mendapatkan gambaran sebenar tentang sejauh manakah TV Pendidikan (Channel 13) melalui ASTRO membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah dari aspek keberkesanan, kesesuaian dan kecekapan. Selain daripada itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui kekangan dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi penggunaan TV Pendidikan. Secara khususnya objektif kajian adalah seperti berikut:

---

- A) Mengetahui sejauhmanakah *minat, sikap serta motivasi* pelajar terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru dengan berbantuan media TV Pendidikan melalui Ujian Ukuran Skala Motivasi Bahan Pengajaran (IMMS)
- B) Mengetahui *perbezaan keberkesanan* penggunaan TV Pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran berbanding dengan cara pengajaran dan pembelajaran “chalk and talk” atau berbantuan lembaran nota dan kerja dengan menggunakan soalan-soalan ujian pra (*pratest*) dan ujian pos (*post test*)
- C) Mendapatkan maklumbalas terhadap tahap penerimaan para guru yang terdiri daripada pelbagai opsyen dan para pelajar yang mempunyai tahap prestasi yang berbeza-beza terhadap rancangan TV Pendidikan dengan menggunakan borang soalan selidik lisan (temubual).
- D) Mengetahui jika ada faktor-faktor lain yang mempengaruhi penggunaan TV Pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Data diperolehi daripada tinjauan awal yang dilaksanakan oleh pengkaji berdasarkan kajian-kajian masa lalu pihak Bahagian Teknologi Pendidikan melalui Pusat Kegiatan Guru Ranau.

#### **1.4 PERNYATAAN MASALAH**

Pihak pengkaji telah mendapati bahawa terdapat banyak isu yang boleh dihubungkan dengan penggunaan TV Pendidikan melalui ASTRO. Antara lain isu yang sering dibincangkan ialah :-

- i) Kadar Penggunaan
  - ii) Sebab-sebab Penggunaan
  - iii) Keberkesanan Penggunaan
-



Kajian ini akan memfokuskan kepada isu ketiga seperti yang tercatat di atas iaitu mengkaji tentang keberkesanan penggunaan TV Pendidikan melalui ASTRO dalam proses pengajaran dan Pembelajaran.

Walau bagaimanapun secara tidak langsung, pengkaji juga turut mendapatkan data secara ringkas tentang bilangan guru yang pernah menggunakan TV Pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta sebab-sebab mengapakah mereka menggunakan TV Pendidikan tersebut.

### **1.5 PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini menetapkan persoalan kajian berdasarkan tujuan dan objektif kajian seperti berikut:-

A) *Minat, Sikap dan Tahap Motivasi*

- i) Adakah para pelajar menunjukkan minat melalui sikap serta tahap penglibatan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan
- ii) Apakah perbezaan motivasi murid berprestasi tinggi, sederhana dan rendah mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran berbantuan bahan atau siaran TV Pendidikan.
- iii) Bagaimanakah sikap penerimaan serta penghayatan pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran berbantuan TV Pendidikan

B) Perbezaan Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Kumpulan 1 (TV Pendidikan) dan Kumpulan 2 (Lembaran Nota dan Latihan) serta perbandingan data markah melalui ujian pra dan ujian pos.

- i) Adakah terdapat signifikan pada min kesian keseluruhan pengajaran guru yang menggunakan siaran dan bahan TV Pendidikan berbanding dengan pengajaran dan pembelajaran tanpa menggunakan bahan.

- ii) Adakah terdapat perbezaan signifikan pada min skor ujian pra dan ujian pos di kalangan murid-murid berprestasi tinggi, sederhana dan rendah yang mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran berbantuan bahan atau siaran TV Pendidikan dan cara tradisional.
  - vi) Apakah perbezaan secara keseluruhannya di antara pengajaran berbantuan TV Pendidikan dengan kaedah “chalk and talk” dari segi keberkesanan menyampaikan isi-isi pengajaran.
- C) Adakah tahap penggunaan siaran TV Pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah ini memuaskan. Data diukur melalui temubual yang melibatkan 20 orang responden.
- D) Adakah terdapat faktor-faktor lain yang menjadi kekangan kepada pihak sekolah yang menyebabkan kegagalan menggunakan TV Pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran

## **1. 6 BATASAN KAJIAN**

Ketepatan keputusan kajian adalah bergantung kepada kualiti maklumat yang diperolehi daripada sampel kajian dan prosedur persampelan. Piawaian kualiti, prosedur , instrumen dan mekanisme telah dituruti untuk mendapatkan hasil yang menyakinkan. Prosedur persampelan berbentuk persampelan berstrata mengikut dua tahap. Peringkat pertama Ujian Pra dan Temubual dan peringkat kedua Ujian Pos dan IMMS. Senarai murid mengikut tahap pencapaian, jantina dan jumlah responden dalam satu kelas dipilih dengan teliti dan sistematik. Langkah piawaian ini telah diambil bagi mengelakkan berlakunya bias. Kajian ini tidak menilai pendapat dan pengaruh luar daripada guru dan pelajar lain di sekolah ini.

Sebagai satu kajian sains sosial dan teknologi. Ada beberapa kekangan yang boleh menyukarkan proses menginterpretasi data secara menyeluruh khususnya dalam konteks (*cause-effect*) program. Namun begitu pengkaji telah menggunakan pelbagai pendekatan termasuk dalam mengumpul data dari perspektif guru dan murid, ujian pra, ujian pos dan IMMS.

Dalam kajian ini, pengumpulan data adalah terbatas kepada **penilaian keberkesanan penggunaan perisian TV Pendidikan dalam P&P**, berkaitan produk, proses, input dan konteks pelaksanaan program. Walau bagaimanapun beberapa maklumat latar belakang pembolehkan bebas telah dikumpul yang boleh digunakan dalam analisis lanjutan untuk mengetahui hubungan kesan program terhadap komitmen sekolah ke arah membudayakan penggunaan TV Pendidikan dalam P&P.

Dalam pelaksanaan kajian ini, pengkaji menyedari kewujudan sedikit kelemahan, boleh menjejaskan interpretasi kajian. Ini merupakan salah satu cabaran kepada pengkaji untuk mendalami kemahiran dalam bidang kajian tindakan (*action research*). Pengumuman awal dan permohonan membuat kajian di sekolah ini telah secara tidak langsung mengubah keadaan konteks dan menyebabkan responden memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pengkaji.

## **1.7 DEFINISI OPERASIONAL**

Beberapa istilah yang digunakan di dalam kajian ini fihuraikan dalam sub topik di bawah

### **1.7.1 TV Pendidikan**

Merujuk kepada Program TV Pendidikan melalui ASTRO yang telah dilancarkan pada Tahun 2000 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia

### **1.7.2 Rancangan TV**

Merujuk kepada rancangan-rancangan TV Pendidikan yang diterbitkan untuk siaran. Rancangan TV ini telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Teknologi Pendidikan Malaysia

### **1.7.3 Perisian Rancangan**

Merujuk kepada rancangan TV Pendidikan yang telah dirakamkan ke dalam CD untuk digunakan dalam siaran TV Pendidikan Off Air. Ini adalah satu kaedah yang digunakan sekiranya para pelajar tidak berkesempatan mengikutinya secara langsung.

## **BAB 2 : METODOLOGI KAJIAN**

### **2.1 PENGENALAN**

Bahagian ini menghuraikan rekabentuk kajian, sasaran kajian, kaedah mengutip data dan tinjauan awal. Selain daripada itu beberapa hasil kajian masa lalu yang dilaksanakan oleh beberapa pihak juga dikemukakan sebagai bukti tinjauan awal.

### **2.2 REKABENTUK KAJIAN**

- i) Penyelidik menggunakan kaedah pengukuran kuantitatif dan kualitatif. *Laure S. & Joy. F. (1997)* menyatakan gabungan dua pendekatan ini mampu meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data penilaian. Dengan menggunakan 3 jenis instrumen iaitu borang soalselidik, skala IMMS dan soalan ujian pra dan pos, keputusan kajian dijangka akan menunjukkan keadaan sebenar senarionya. . Walau bagaimanapun keutamaan diberikan kepada kaedah soalan ujian yang dapat mengukur keberkesanan TV pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara kuantitatif. Instrument kajian telah dibina oleh penyelidik dengan bimbingan pasukan penyelidik BTPN dan EPRD Pusat Kegiatan Guru Daerah Ranau.
- ii) Ujian pra digunakan untuk mengetahui tahap pencapaian murid sebelum sesi pengajaran dijalankan. Soalan-soalan di dalam kertas ujian ini terdiri daripada 20 soalan pelbagai aras.
- iii) Ujian Pra dijalankan seminggu sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran sebenar. Ini penting supaya murid-murid tidak dapat mengecam sepenuhnya soalan-soalan yang sama dalam ujian pos.

- iv) Sesi pengajaran dan pembelajaran selepas ujian tidak perlu diberitahu awal. Beritahu murid sehari sebelum sesi dan tujuan serta isi kandungan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran juga tidak perlu disampaikan. Tujuannya supaya murid-murid tidak mengambil kesempatan untuk belajar berkaitan tajuk terlebih dahulu. Jika ini berlaku, keputusan ujian tidak dapat menggambarkan hal sebenar.
- v) Ujian Pos pula digunakan selepas sesi pengajaran dan pembelajaran. Isi kandungan serta soalan-soalan dalam ujian pos tidak jauh berbeza dengan soalan ujian pra. Beberapa soalan dalam ujian pos diambil terus daripada ujian pra.

### **2.3 SASARAN KAJIAN**

- i) Sampel kajian diambil daripada 36 pelajar Tingkatan 2 SMK Kundasang. Mereka dipilih mengikut tahap prestasi dan jantina. Senarai responden adalah seperti di dalam Lampiran I : Senarai Responden / Jantina / Tahap Pencapaian (Kumpulan).
- ii) 10 orang guru dan 10 orang murid yang diambil secara rawak untuk ditemuramah berkaitan dengan pendapat mereka terhadap TV Pendidikan di sekolah. Taburan responden diperincikan dalam lampiran II (Senarai Respondan Temuramah)
- iv) Senarai nama murid diambil seramai 40 orang. Jika ada murid yang hadir dalam ujian pra tetapi tidak hadir pada ujian pos, murid ganti akan diambil. Tahap prestasi mereka hendaklah lebih kurang sama. Seboleh-bolehnya sama jantina.

## 2. 4 KAEDAH MENGUTIP DATA

- Oleh kerana populasi kajian adalah sedikit dan skop kajian adalah kecil, maka kaedah ujian digunakan. Borang tinjauan berukuran skala (IMMS) juga digunakan untuk mengetahui tahap motivasi pelajar terhadap penggunaan bahan siaran TV Pendidikan.
- Data yang dikumpul akan dianalisis dengan menggunakan *SPSS 8.0*. Antara statistik yang digunakan ialah kekerapan, peratusan dan *min*. Item-item yang berbentuk fakta seperti ujian IMMS akan menggunakan statistik *sisihan piawai*.
- Bagi menganalisis soalan-soalan terbuka, pengkaji telah menggunakan kaedah deskriptif dengan menggunakan perisian SPSS Versi 8.0. Bagi item-item yang berbentuk negatif, nilai diterbalikkan sebelum diproses (Oppenheim, 1986)
- Dapatan daripada temubual dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Analisis data temubual dianalisis selepas semua informan selesai ditemubual. Temubual dengan responden dirakam dalam bentuk audio kemudian ditranskripsikan kepada bentuk tulisan secara perkataan demi perkataan (*Verbal Protocols Transcribed Verbatim*). Penyelidik menyemak dan meneliti protokol temubual dari segi ketepatan idea dan makna yang disampaikan. Penganalisan data pada peringkat ini menggunakan kaedah analisis kandungan pita rakaman audio yang dilakukan secara laporan (*metacalf, 1985*) Analisis ini dilakukan untuk mengenal pasti pola-pola maklumat dengan mengambilkira aspek objektiviti dan ciri-ciri kualitatif maklumat yang telah dikumpul (*marshal & Rossman, 1989*). Cara ini merupakan teknik analisis yang dibuat secara objektif dan sistematik bagi

mengenalpasti ciri-ciri mesej (*Marshal & Rossman, 1989*) atau tema-tema tertentu (*Metcalf, 1985*). Garis panduan umum bagi melaksanakan temubual sebagaimana yang ditentukan oleh *Marshal & Rossman (1989)* dan Abdul Rahman Daud (1999) meliputi aspek-aspek berikut:-

- a) menentukan objektif secara spesifik
  - b) mengesan maklumat yang ada kaitan dengan objektif kajian
  - c) membuat hubungan empirikal antara data yang diperolehi dengan kesimpulan yang akan dibuat kemudiannya.
  - d) Merangka pelan untuk mendapatkan sampel maklumat mengikut persoalan-persoalan kajian
  - e) Membuat sistem kod klasifikasi
  - f) Menentukan kaedah mempersembahkan hasil analisis
- Keputusan ujian pra dan pos dianalisis dengan *kekerapan, peratusan dan min*. Penganalisan data dan kualitatif mengambilkira pendapat miles dan Huberman (1994) yang menggariskan 3 prosedur utama iaitu:-
    - a) Penyaringan data
    - b) Membuat Kesimpulan
    - b) Penyemakan

## **2. 5 TINJAUAN AWAL**

Proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas merupakan antara penentu sama ada kemahiran-kemahiran yang terkandung di dalam sukatan pelajaran dapat dikuasai oleh murid atau tidak. Kedua-dua proses ini merupakan antara cara untuk menjana budaya ilmu. Oleh kerana itu, guru-guru yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini perlulah menjalankan sesi ini dengan menggunakan ilmu pedagogi



yang tinggi serta berkesan. Dengan itu, objektif pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai dengan cepat dan menyeluruh.

Sebelum kajian ini dijalankan, pengkaji telah membuat banyak tinjauan yang mempunyai hubungkait dengan penggunaan bahan TV serta Video dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, ceramah, seminar, kursus dan sebagainya. Memang tidak dapat dinafikan, penggunaan cara di atas banyak meninggalkan kesan kepada para peserta. Tidak hairanlah, TV sudah menjadi salah satu media yang terkenal sama ada di sekolah, rumah, pejabat, kenderaan, hospital dan sebagainya. Keberkesanan TV dalam menyampaikan satu-satu maklumat khususnya pelajar telah diakui oleh ramai pakar, contohnya Nordin (1991), Atan dan Idrus (1999), Fattawi Mokhtar (2000) dan Jamaluddin (2000). Kesimpulan daripada pendapat-pendapat mereka ialah bahawa TV mampu membantu para pelajar meningkatkan penglibatan, kefahaman dan motivasi mereka terhadap pelajaran.

Di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia, kejayaan memancarkan TV Pendidikan melalui ASTRO telah menambahkan jumlah siaran daripada satu siaran di TV2 sebelum Tahun 2000 kepada 12 siaran pakej pendidikan termasuk Saluran Khas TV Pendidikan di Channel 12. Selain penjimatan kos daripada 12 juta ringgit ke 400 ribu ringgit setahun, guru-guru juga mempunyai lebih banyak pilihan saluran TV yang sesuai dengan isi kandungan dan objektif pelajaran yang mereka ingin sampaikan. Walaupun begitu, kekangan demi kekangan kita hadapi untuk memanfaatkan kemudahan ini kerana masih terdapat banyak sekolah yang tidak mempunyai kemudahan TV, TV rosak dan tidak dapat dibaiki lagi, tiada sumber tenaga elektrik, tiada minyak diesel dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan hanya 25% daripada 78 buah sekolah di daerah Ranau yang telah menggunakan TV Pendidikan dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran.<sup>3</sup>

---

<sup>3</sup> Lihat Jurnal BTP Sabah, 2004 bil. 1 oleh **Losinin dan Pasukan Kajian Tindakan Ranau** (2004)

Kajian ini akan menyokong dan mengemaskinkan laporan tinjauan Losinin dan Pasukan Kajian Tindakan Ranau (2004) mengenai Kadar Penggunaan TV Pendidikan di daerah Ranau yang telah dikemukakan kepada Pusat Sumber Pendidikan Negeri Sabah, Jabatan Pelajaran Gabungan dan Daerah sebagai panduan bagi melaksanakan tindakikut pihak sekolah selepas pemantauan pegawai-pegawai atasan.

Perlaksanaan kajian di SMK Kundasang adalah kena pada tempatnya kerana sekolah ini mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan bahan TV Pendidikan. Tambahan pula sekolah ini mempunyai makmal komputer yang boleh digunakan untuk memainkan CD Interaktif yang telah dirakam daripada isi kandungan TV Pendidikan melalui Channel 12 siaran ASTRO. Pengkaji yang juga seorang guru di sekolah rendah juga mempunyai pengetahuan sedia ada berkaitan dengan senario dan latar belakang siaran TV Pendidikan. Pengkaji juga telah pernah menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran melalui TV Pendidikan ataupun bahan daripada TV Pendidikan dan mengetahui sedikit sebanyak kesan penggunaan TV Pendidikan ke atas:-

- i) Sesi pengajaran secara keseluruhan
- ii) Tahap kefahaman murid terhadap P&P yang disampaikan
- iii)** Minat dan motivasi pelajar

## **BAB 3 : PERLAKSANAAN KAJIAN**

### **3.1 PENGENALAN**

Bahagian ini menghuraikan dengan terperinci persediaan tindakan, proses gelung kitaran yang menunjukkan proses pelaksanaan kajian tindakan keseluruhannya. Selain daripada itu, dalam bab ini juga diterangkan pelaksanaan tindakan serta menyatakan data-data yang telah diproses.

### **3.2 PERSEDIAAN TINDAKAN**

Sebaik sahaja menerima arahan untuk membuat kajian tindakan ini, pengkaji telah membuat perancangan yang sistematik dan rapi untuk memastikan hasil kajian ini nanti benar-benar berjaya. Pengkaji telah membuat banyak pembacaan mengenai teori-teori pembelajaran yang berkaitan dengan keberkesanan penggunaan media pengajaran berbentuk tayangan dan pengkaji juga cuba memahami secara luas berkaitan dengan prosidur penggunaan TV Pendidikan yang sepatutnya mengikut garis panduan daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Teknologi Pendidikan.

Kajian ini dimulakan dengan penyediaan kertas kerja dalam bentuk draf. Kertas kerja ini menunjukkan skop kajian, penetapan responden, metodologi kajian dan sebagainya yang terdiri daripada 4 bab.

Pengkaji telah menetapkan objektif-objektif kajian berdasarkan tajuk yang dipilih dan berpandukan kepada objektif-objektif inilah pengkaji telah menetapkan persoalan kajian dan seterusnya menyediakan instrumen-instrumen yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Satu lawatan khas telah dibuat di sekolah ini dan bertemu langsung dengan tuan pengetua untuk menyampaikan maksud serta tujuan pengkaji membuat kajian di sekolah ini.


Pengkaji telah mendapatkan kerjasama yang baik daripada guru tingkatan, Guru Media dan Perpustakaan dan Penyelaras Makmal.

Pemilihan pelajar telah dibuat oleh Guru-guru Kelas Tingkatan 2. Penyediaan alat dan media dibuat oleh Guru Media dan Perpustakaan serta Guru Penyelaras Makmal.

Sehari sebelum ujian pra dijalankan, satu taklimat ringkas telah dijalankan kepada murid-murid yang terlibat. Taklimat tersebut telah dijalankan bertempat di Makmal ICT sekolah.

### 3.3 PROSES GELUNG / KITARAN

Berdasarkan kepada persediaan tindakan seperti yang tersebut di atas, kronologi kajian bolehlah diringkaskan seperti berikut. Proses gelung kitaran ditunjukkan dengan menggunakan *flowchart* (carta aliran) seperti yang berikut:



Rajah 1 : Gelung kitaran yang menunjukkan proses penyiapan kajian

### 3.4 PERLAKSANAAN TINDAKAN

Setelah mendapatkan kebenaran daripada pengetua dan segala instrumen telah disediakan, pelaksanaan tindakan dibuat secara berperingkat-peringkat seperti dalam jadual di bawah:-

<b>BIL</b>	<b>TINDAKAN</b>	<b>TARIKH</b>	<b>TEMPOH</b>
1	Mengadakan temubual dengan 10 orang guru	24/10/2006	2 jam
2	Mengadakan temubual dengan 10 orang pelajar	24/10/2006	2 jam
3	Mengadakan Ujian Pra	25/10/2006	30 minit
4	Mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran tanpa bantuan TV Pendidikan (Kumpulan 1) dan ujian 20 soalan objektif	29/10/2007 (Sesi 1)	1 jam 30 minit
5	Mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan bantuan TV Pendidikan (Kumpulan 2) dan ujian 20 soalan objektif	29/10/2007 (Sesi 2)	1 jam 30 minit

Jadual 1 : Jadual Pelaksanaan Kajian Tindakan

### 3.5 PENILAIAN DAN REFLEKSI

#### 3.5.1 Ujian IMMS

(i) Pelajar dikehendaki menandakan tahap persetujuan mereka terhadap kenyataan-kenyataan yang terdapat di dalam instrumen IMMS. Skala-skala yang dipilih adalah sama ada (1)- Sangat tidak setuju, (2)-Tidak Setuju, (3) Setuju, (4)- Sangat setuju. Daripada analisis awal yang dilakukan, melalui ujian IMMS kesimpulannya adalah seperti berikut:-

- a) 100% pelajar telah memberikan komitmen dalam pengajaran dan pembelajaran

b) 100% pelajar mengakui persembahan dalam tayangan menarik perhatian pelajar

c) 75% pelajar menyatakan bahawa isi kandungan pelajaran sesuai dengan pengetahuan sedia ada

d) Hanya 12% daripada pelajar yang menyatakan bahawa isi kandungan TV Pendidikan telah dipelajari dan selalui mendapatinya di dalam internet dan buku bacaan.

ii) Dalam kajian ini juga pengkaji telah berjaya menguji kesesuaian item-item dalam soal selidik bagi mengukur 40 item yang boleh dibahagi kepada 4 konstruk utama iaitu:-

<b>Bil</b>	<b>Konstruk</b>	<b>Bil. Item</b>	<b>Nilai Sisihan Piawai ( <math>\alpha</math> )</b>
1	Penyediaan bahan P&P, isi kandungan	10	0.8465
2	Pengendalian sesi P&P dan Ujian	10	0.7619
3	Kefahaman terhadap topik dan pengetahuan sedia ada	10	0.8060
4	Proses Menjawab dan tahap motivasi	10	0.7926

Jadual 2 : Jadual nilai sisihan piawai soalan soalselidik

ii) Sisihan piawai nilai Cronbach Alpha pada instrumen IMMS tersebut ialah antara 0.7619 hingga 0.8465. Item bagi keempat-empat konstruk dengan menukar beberapa perkataan dan menambahkan bilangan item dalam soal selidik. Terdapat beberapa item asal dalam kosntruk motivasi yang tidak digunakan untuk tujuan analisis kerana nilai Cronbach Alpha yang terlalu rendah dan sukar diperbaiki.

iii) Bagi menganalisis soalan-soalan terbuka, pengkaji telah menggunakan kaedah deskriptif dengan menggunakan perisian SPSS Versi 8.11. Bagi item-item yang berbentuk negatif, nilai diterbalikkan sebelum diproses (Oppenheim, 1986)

### 3.5.2.Ujian Pra

- (i) Seramai 36 murid telah menghadiri sesi penujian pra. Mereka terdiri daripada 2 kumpulan iaitu:

Bil	Kumpulan	Mod P&P	Jantina		Bilangan	Taburan tahap		
			L	P		Tinggi	Sederhana	Rendah
1	Kumpulan 1	Pengajaran Tradisional tanpa berbantuan media TV	9	9	18 orang	6	6	6
1	Kumpulan 2	Pengajaran dengan berbantuan media TV	9	9	18 orang	6	6	6

Jadual 3 : Taburan Responden

- (ii) Berdasarkan analisa kuantitatif, bilangan pelajar yang mendapat markah secara menurun direkodkan seperti berikut

#### (a) Kumpulan 1

Bil	Rekod Kuantitatif	Bilangan Mencapai	Jumlah Markah Terkumpul	Peratus (%)	Min	Sisihan Piawai
1	20/20	0	0	0	12.68	7.32
2	19/20	0	0	0		
3	18/20	0	0	0		
4	17/20	0	0	0		
5	16/20	0	0	0		
6	15/20	3	45	15.79		
7	14/20	4	56	21.05		
8	13/20	4	52	21.05		
9	12/20	2	24	10.53		
10	11/20	4	44	21.05		
11	10/20	2	20	10.53		
<b>Jumlah</b>		<b>19</b>	<b>241</b>	<b>100</b>		

Jadual 4 : Keputusan Ujian Pra Kumpulan 1

#### Pengiraan Min Markah:

Markah Keseluruhan : 380 markah

Jumlah Markah dipungut : 241 markah ; min = 12.68 , Sisihan Piawai = 7.32

(a) Kumpulan 2

Bil	Rekod Kuantitatif	Bilangan Mencapai	Jumlah Markah Terkumpul	Peratus (%)	Min	Sisihan Piawai
1	20/20	0	0	0	13.42	6.58
2	19/20	0	0	0		
3	18/20	0	0	0		
4	17/20	0	0	0		
5	16/20	1	32	5.26		
6	15/20	2	30	10.53		
7	14/20	4	56	21.05		
8	13/20	3	39	15.79		
9	12/20	2	24	10.53		
10	11/20	4	44	21.05		
11	10/20	3	30	15.79		
<b>Jumlah</b>		<b>19</b>	<b>255</b>	<b>100%</b>		

Jadual 5 : Keputusan Ujian Pra Kumpulan 2

Pengiraan Min Markah:

Markah Keseluruhan : 380 markah

Jumlah Markah dipungut : 255 markah ; min = 13.42 , Sisihan Piawai = 6.58

Dalam ujian pra, tidak ada seorang pelajarpun yang telah memperolehi jawapan yang tepat bagi semua soalan. Semasa ujian ini dijalankan, guru mata pelajaran belum mengajar mata pelajaran ini. Para pelajar menjawab soalan berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka.



### 3.5.3. Ujian Pos

Seminggu selepas ujian pra dijalankan, sesi pengajaran dan pembelajaran telah dijalankan mengikut mod yang ditentukan dan keputusan ujian yang dianalisa adalah seperti yang berikut:-

#### a) Kumpulan A – Pengajaran Tanpa Media TV

Bil	Rekod Kuantitatif	Bilangan Mencapai	Jumlah Markah Terkumpul	Peratus (%)	Min	Sisihan Piawai
1	20/20	0	0	0	14.36	5.64
2	19/20	0	0	0		
3	18/20	2	36	10.53		
4	17/20	1	17	5.26		
5	16/20	2	32	10.53		
6	15/20	3	45	15.79		
7	14/20	4	56	21.05		
8	13/20	3	39	15.79		
9	12/20	4	48	21.05		
10	11/20	0	0	0		
11	10/20	0	0	0		
<b>Jumlah</b>		<b>19</b>	<b>273</b>	<b>100</b>		

Jadual 6 : Keputusan Ujian Pos Kumpulan 1


#### b) Kumpulan 2 – Pengajaran Dengan Media TV Pendidikan

Bil	Rekod Kuantitatif	Bilangan Mencapai	Jumlah Markah Terkumpul	Peratus (%)	Min	Sisihan Piawai
1	20/20	2	40	10.53	17.05	2.95
2	19/20	1	38	5.26		
3	18/20	2	36	10.53		
4	17/20	3	51	15.78		
5	16/20	2	32	10.53		
6	15/20	3	45	15.79		
7	14/20	4	56	21.05		
8	13/20	2	26	10.53		
9	12/20	0	0	0		
10	11/20	0	0	0		
11	10/20	0	0	0		
<b>Jumlah</b>		<b>19</b>	<b>324</b>	<b>100</b>		

Jadual 7 : Keputusan Ujian Pos Kumpulan 2

Analisa kuantitatif:


a) Keputusan ujian pra kumpulan 1 dan 2 dapat dilihat dalam rajah di bawah



Rajah 2 : Graf perbandingan keputusan ujian pra Kumpulan 1 dan 2

Kumpulan 1 : 241 markah,  
Kumpulan 2 : 255 markah.  
Perbezaan : 14 markah


b) Keputusan ujian pos kumpulan 1 dan 2 dapat dilihat dalam rajah di bawah



Kumpulan 1 : 273  
Kumpulan 2: 324  
Perbezaan : 51 markah

Rajah 3 : Graf perbandingan keputusan ujian pos Kumpulan 1 dan 2

c) Perbandingan markah kelas yang sama (Kumpulan 1 )dalam ujian pra dan Ujian Pos




Rajah 4 : Graf perbandingan markah ujian pra dan pos Kumpulan 1

Jadual 8 : Perbezaan Markah:

BIL	UJIAN	Jumlah Markah
1	Pra	241
2	Pos	273
Perbezaan Markah		32
Peratus Peningkatan		13.12%

d) Perbandingan markah kelas yang sama (Kumpulan 2) dalam ujian pra dan Ujian Pos




Rajah 5 : Graf perbandingan markah ujian pra dan pos Kumpulan 2

**Jadual 9 : Perbezaan Markah**

BIL	UJIAN	Jumlah Markah
1	Pra	255
2	Pos	324
Perbezaan Markah		69
Peratus Peningkatan		27.06%

e) Perbezaan peningkatan di antara 2 kumpulan ujian pos menggunakan mod pengajaran berbeza



Rajah 6 : Graf perbezaan peningkatan keputusan dalam dua mood pengajaran

f) Refleksi

Berdasarkan carta dan jadual analisis di atas, pengkaji telah berjaya mendapati bahawa penggunaan TV Pendidikan boleh membantu meningkatkan motivasi murid-murid mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan dalam peratusan ujian yang telah dijalankan di antara dua ujian iaitu ujian pra dengan ujian pos. Kumpulan 1 yang mengikuti mod pengajaran tanpa bantuan media TV Pendidikan menunjukkan peningkatan sebanyak 13.12% berbanding dengan ujian pra yang dijalankan

sebelumnya. Manakala kumpulan 2 yang mengikuti sesi pengajaran berbantuan media TV Pendidikan menunjukkan peningkatan sebanyak 27.06%.

Daripada keputusan ujian ini dan analisis IMMS terbukti bahawa penggunaan media audio dan video dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat berkesan. Kajian awal yang telah dijalankan oleh Nordin (1991) melaporkan bahawa sistem media elektronik dengan komponen grafiknya mampu memandu pelajar kepada bahan pembelajaran di samping mempertingkatkan penglibatan pelajar dan tahap kefahaman mereka. Juga terdapat kajian yang lain menunjukkan penilaian yang positif terhadap sistem media sebagai satu proses penyampaian bahan pembelajaran (Atan dan Idrus, 1999). Maka itulah sebabnya mengapa Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Teknologi Pendidikan melaksanakan TV Pendidikan di seluruh negara sejak Tahun 1972 lagi.

### **3.6 KESIMPULAN**

#### **3.6.1 Berdasarkan kepada ujian IMMS**

- i) Keseluruhan daripada pelajar yang telah menghadapi ujian pra, sesi pengajaran dan pembelajaran berbantuan TV pendidikan Channel 13 menyatakan bahawa P&P berbantuan TV Pendidikan sangat menarik.
- ii) 100% pelajar menyukai siaran TV Pendidikan dan mahu supaya siaran TV Pendidikan dijadikan cara mengajar di sekolah
- iii) Walau bagaimanapun hanya 25% daripada mereka mendapati kemahiran yang dilihat adalah kemahiran baru.
- iv) 75% lagi daripada mereka adalah pelajar yang telah mengetahui bahawa isi kandungan pelajaran telahpun diketahui tetapi tidak secara mendalam

- v) 12% daripada semua pelajar telah mengetahui kebanyakan daripada isi pengajaran dan pembelajaran yang diajar.

### 3.6.2 Berdasarkan kepada Ujian Pra dan Ujian Pos

- i) Dalam ujian pra, kumpulan 1 memperoleh 241 markah daripada 380 markah penuh. Jumlah ini menunjukkan min markah keseluruhan kumpulan ini ialah 12.68. Tiada pelajar yang memperoleh markah 16 -20 daripada markah penuh 20. Walaupun tajuk ini belum diajar oleh guru, pengetahuan sedia ada telah membantu mereka menguasai tajuk ini tetapi tiada pelajar yang memperoleh markah lebih daripada 16.
- ii) Kumpulan 2 pula mencatatkan markah yang diperolehi sebanyak 255 daripada 380 dengan min 13.42. Seperti juga dalam kumpulan 1, tiada pelajar yang mendapat markah penuh.
- iii) setelah sesi pengajaran dilaksanakan kumpulan 1 yang mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran tanpa media TV Pendidikan memperlihatkan peningkatan iaitu sebanyak 13.12% berbanding dengan ujian pra. Kumpulan 2 pula yang mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran berbantuan TV Pendidikan memperlihatkan peningkatan sebanyak 27.06%. Peningkatan ini melebihi dua kali ganda daripada kumpulan 1. Ini membuktikan bahawa sesi pengajaran yang dijalankan di kumpulan 2 lebih berkesan dan telah membantu para pelajar memahami isi kandungan pelajaran yang diajar.

## **BAB 4 : PENILAIAN**

### **4.1 PENGENALAN**

Bab ini menghuraikan tentang penilaian serta refleksi berdasarkan maklumbalas, refleksi sendiri dan beberapa rumusan pengkaji. Seterusnya pengkaji telah memberikan beberapa cadangan kepada pihak-pihak yang tertentu dalam melaksanakan program TV Pendidikan di sekolah.

### **4.2 PENILAIAN DAN REFLEKSI BERDASARKAN MAKLUMBALAS**

Peranan sekolah adalah amat penting di dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berbantuan TV Pendidikan. Di samping perbelanjaan pukal yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan, kemudahan seperti TV dan ASTRO yang ada di sekolah jika tidak digunakan sepenuhnya merupakan satu kerugian dan penaniyaan kepada para pelajar yang sepatutnya mendapat kebaikan daripada kemudahan ini.

Nordin (1991) melaporkan bahawa sistem media elektronik dengan komponen grafiknya mampu memandu pelajar kepada bahan pembelajaran di samping mempertingkatkan penglibatan pelajar dan tahap kefahaman mereka. Oleh itu, mengapakah guru-guru tidak berusaha menggunakan kemudahan ini dan pihak pentadbir sekolah juga tidak mengambillberat terhadap penggunaan TV Pendidikan yang jelas telah diarahkan penggunaannya oleh YAB Perdana Menteri sendiri apabila banyak pekeling yang dikirimkan ke sekolah-sekolah berkaitan dengan penggunaan TV Pendidikan dalam P&P. Buku log penggunaan TV Pendidikan juga telah disediakan oleh pihak BTP selain daripada pasukan Nazir dan Audit memantau peralatan TV Pendidikan dan penggunaannya. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh Losinin dan Pasukan Kajian Tindakan Ranau (2004), mendapati bahawa hanya 25% daripada responden yang

terlibat dalam tinjauan menggunakan TV Pendidikan dalam P&P. Begitupun, hanyalah sekali sahaja dalam sebulan.

Terdapat juga kajian yang lain menunjukkan penilaian yang positif terhadap sistem media sebagai satu proses penyampaian bahan pembelajaran (Atan dan Idrus, 1999) dan telah banyak orang-perseorangan yang membuat kajian dan tinjauan untuk melihat keberkesanan TV dalam P&P.

### **4.3 PENILAIAN DAN REFLEKSI KENDIRI**

Pengkaji telah cuba memahami dan mendalami kekangan-kekangan yang dihadapi oleh sekolah yang telah menyebabkan penggunaan TV pendidikan tidak dapat dijalankan di sekolah-sekolah. Losinin dan Pasukan Kajian Ranau (Jurnal Kajian PSPN : 2004) telah mengenalpasti beberapa sebab utama mengapa TV Pendidikan tidak dapat dijalankan di sekolah-sekolah. Faktor-faktor berikut adalah seperti berikut:-

- (a) Sikap pentadbir dan guru yang mengambil ringan terhadap penggunaan TV pendidikan
- (b) Tidak mempunyai kemudahan TV atau TV tidak dapat digunakan kerana rosak dan tidak dapat dibaiki
- (c) Berlaku kerosakan pada set DMT, Disc dan kehilangan Kad Pintar ASTRO
- (d) Tidak Mempunyai peruntukan yang cukup untuk membeli minyak penjanakuasa atau tiada janakuasa terutamanya sekolah-sekolah di luar bandar
- (e) Pihak ASTRO lewat menghantar jadual siaran ASTRO ke sekolah-sekolah dan
- (f) Jadual waktu induk sekolah yang digubal tidak selaras dengan jadual siaran TV Pendidikan

Oleh sebab itu, pengkaji turut menyedari bahawa TV di sekolah bukanlah semata-mata untuk dijadikan sebagai perhiasan dan harta modal, akan tetapi ia haruslah



dimanfaatkan bersama. Jadi, segala kekangan yang dihadapi hendaklah ditangani bersama baik di peringkat guru, pentadbir, pihak Pejabat Pelajaran Daerah, Gabungan dan Negeri, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan syarikat ASTRO mestilah sama-sama bergabung tenaga untuk menyelesaikan setiap masalah yang dihadapi.

#### **4.4 RUMUSAN**

Kajian ini telah membuktikan bahawa TV Pendidikan merupakan salah satu media yang berkesan untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Selain daripada menarik dan meningkatkan motivasi pelajar, ia juga menghiburkan. Menonton TV Pendidikan akan menghilangkan rasa tekanan yang dihadapi oleh murid-murid di dalam kelas. Tidak hairanlah jika semua rumah di negara kita memiliki sekurang-kurangnya satu peti TV untuk kemudahan tontonan keluarga.

Ini selaras dengan kata-kata yang pernah dimadahkan oleh Kung Fu Tze, seorang pujangga dan ahli falsafah cina;

*‘...kalau saya dengar, saya lupa; kalau saya lihat saya ingat; dan kalau saya buat saya tahu...’*

Falsafah diatas bertepatan sekali dengan naluri manusia yang telah disempurnakan oleh Tuhan dengan pancaindera yang lengkap dan jika digunakan sepenuhnya akan memudahkan kita mengingat apa sahaja maklumat yang dicari. Demikian juga pelajar yang menimba ilmu pengetahuan perlulah dididik dengan menggunakan keadah pedagogi yang berkesan dan menarik. Jika pedagogi yang digunakan oleh guru benar-benar berkesan, maka pelajar akan menjadi seorang insan yang berilmu dan berguna kepada agama, bangsa dan negara.

#### **4.5 CADANGAN**

- i) Sebagaimana yang dinyatakan bahawa kajian ini adalah penting untuk melihat dan mengetahui perbezaan keberkesanan proses pengajaran berbantuan bahan atau siaran TV Pendidikan.
  - ii) Dapatan daripada kajian ini boleh dijadikan bahan dokumentasi di peringkat sekolah, PPD, JPN dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
5. Senario penggunaan TV Pendidikan masa ini menunjukkan penurunan sebanyak 20% berbanding 10 tahun yang lepas. Kajian seperti ini boleh dijadikan panduan untuk meningkatkan kembali penggunaan TV Pendidikan.

**Bibliografi / Rujukan:**

- Alessi, S.M. & Trollip, S.R. (1991). *Computer-based instruction: Methods and development*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Ambron, S. & Hooper, K. (1991). *Learning with interactive multimedia: Developing and using multimedia tools in education*. Washington, D.C.: Apple Computer Inc.
- Bahagian Pendidikan Guru (1997). *Sukatan pelajaran Kursus Dalam Perkhidmatan 14 minggu Latihan Guru Sekolah Bestari*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bosco, J.(1986). *An analysis of evaluations of interactive video*. Educational Technology, 25,7-16.
- Clark, R.E. (1983). *Reconsidering research on learning from media*. Review of Educational Research, 53, 445-460.
- Clark, J. M. & Paivio, A. (1991). *Dual coding theory and education*. Educational Psychology Review, 3(3), 149-170.
- Dwyer, F.M. (1978). *Strategies for improving visual learning*. State College, Pennsylvania: Learning Services.
- Esther, G. S. D. (1999). *Integrasi multi media dalam pendidikan sains: Satu model*